

TARIKH	20 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Negara

Agong, Raja Permaisuri selamat tiba di Madinah

MADINAH - Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah selamat tiba di Lapangan Terbang Putera Mohamed Abdul Aziz, Madinah pada pukul 3.10 petang waktu tempatan (8.10 malam waktu Malaysia) sebelum ke Mekah untuk menunaikan fardu haji.

Ketibaan baginda berdua turut diiringi Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Badlishah (Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah) bersama Toh Puan Temenggong Kedah, Puan Sri Datin Seri Tengku Maliha Tengku Ariff, anakanda baginda Tunku Panglima Besar Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Shafinaz (Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah) dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya serta Datuk Seri Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Menurut kenyataan Tabung Haji, rombongan disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Gabenor Madinah, Putera Abdulaziz Majed Abdulaziz dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Prof. Datuk Syed Omar Al-Saggaf.

Turut menyambut, Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asaari dan Pe-



TUANKU ABDUL HALIM (tiga dari kiri) dan Tuanku Hajah Haminah (dua dari kiri) selamat tiba di Lapangan Terbang Putera Mohamed Abdul Aziz, Madinah semalam untuk menunaikan fardu haji.

ngarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Seri Paduka Baginda berdua dan rombongan akan menziarahi makam Rasulullah SAW dan bersolat di Raudah, Masjid Nabawi hari ini sebelum berlepas ke Jeddah untuk memasuki Kota Mekah bagi menunaikan umrah esok.

Pada Isnin, Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan melawat Ibu Pejabat Tabung Haji di Bangunan Abraj Al Janadariah di Mekah untuk meluangkan masa bertemu jemaah haji Malaysia.

Tuanku dan Permaisuri akan berwukuf pada Khamis bersama-sama tiga juta umat Islam dari seluruh dunia.